
KENYATAAN AKHBAR

MyCC MENGUTARAKAN ISU PERSAINGAN BAGI LIMA (5) BARANGAN MAKANAN

KUALA LUMPUR, 6 OGOS 2019 - Suruhanjaya Persaingan Malaysia ("MyCC") telah menjadikan dapatan dan syor Kajian Semula Pasaran Sektor Makanan di bawah Akta Persaingan 2010 (AP 2010) tersedia untuk tatapan umum. Kajian terbabit telah dengan rasminya disiarkan hari ini oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail di Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC), Kuala Lumpur.

Kajian Semula Pasaran ini, yang dijalankan selaras dengan seksyen 11 dan 12 AP 2010, memberi fokus kepada lima (5) barangan makanan terpilih iaitu daging, ikan kembung, rumusan bayi, sawi dan kobis bulat. Tujuan utama Kajian Semula Pasaran ini adalah untuk meneliti struktur pasaran, keberdayasaingan pasaran dan untuk menentukan sama ada terdapat perlakuan anti-persaingan di dalam sektor makanan, di samping menguraikan sebab-sebab di sebalik kenaikan harga barangan-barangan ini sejak kebelakangan ini. Sebahagian daripada dapatan, MyCC juga telah mencadangkan beberapa syor penambahbaikan kepada proses persaingan dalam kelima-lima subsektor ini selari dengan usaha dan inisiatif Kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup.

Isu-isu utama bagi sub-sektor ikan adalah kewujudan beberapa perantara di dalam rangkaian bekalan, kewujudan ketidakcekan pasaran di hab pengedaran utama dan kurang kesedaran akan alternatif kepada ikan kembung. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak bagi mendidik pengguna secara aktif untuk menjadi pengguna yang berpandukan kepada rangsangan pasaran dan permintaan dan dasar E-Dagang yang inklusif serta bersepadu bagi menangani isu ini.

Satu lagi perkara yang diketengahkan adalah penyalahgunaan Permit Kelulusan (AP) yang diberikan untuk mengimport kubis bulat. Isu ini dan hubungan rapat antara pemain-pemain pasaran menimbulkan isu-isu persaingan dalam pasaran

sayur-sayuran. Oleh yang demikian, MyCC mengesyorkan pemantauan rapi terhadap proses selepas AP dikeluarkan bagi memastikan terdapat pilihan kepada pengguna dan harga yang kompetitif bagi kubis bulat di pasaran.

Dapatan berkenaan daging dan rumusan bayi menunjukkan kebergantungan yang tinggi terhadap impot yang membentuk majoriti besar dalam pasaran. Di dalam kes daging, daging yang diimport ke Malaysia kebanyakannya datang daripada 2 negara sahaja iaitu Australia dan India. Kebergantungan melampau kepada hanya beberapa pembekal mendedahkan pasaran daging negara kepada, antaranya, kenaikan harga yang berterusan dan kekurangan pilihan. Bagi pasaran rumusan bayi pula, MyCC mencadangkan mewujudkan lebih banyak jenama dalaman (*house brands*) dan menggalakkan lebih banyak pemain tempatan bagi meningkatkan keberdayasaingan pasaran.

Selain daripada lima (5) item makanan terpilih ini, Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL) juga telah diberikan penekanan di dalam kajian ini kerana posisinya sebagai pasar borong terbesar di Semenanjung Malaysia yang membekalkan kira-kira 50% (atau lebih) hasil segar (ikan, sayuran dan buah-buahan) kepada Zon Tengah Semenanjung Malaysia dan negeri-negeri yang berdekatan. Terdapat beberapa isu berkenaan PBKL, antaranya yuran operasi tambahan, kebanjiran pekerja atau penjual warga asing, penyewaan gerai secara haram, pembatasan bekalan dan isu-isu jenayah. Dalam menangani masalah ini, kajian semula pasaran ini mencadangkan Kerajaan untuk mempertimbangkan penubuhan pasar borong baharu yang boleh menawarkan perkhidmatan bersepadu dengan sistem yang efisien dan kemudahan yang cekap dan canggih di lokasi strategik bagi membolehkan para peniaga untuk membekalkan produk berkualiti tinggi pada harga yang kompetitif.

"MyCC komited dalam menjaga proses persaingan yang sihat di mana ianya dapat menggalakkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan untuk menjadikan pasaran yang lebih baik. Komitmen ini berpotensi mendorong harga yang kompetitif, peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan serta pilihan yang lebih luas bagi

rakyat yang pengguna. Langkah seterusnya adalah bagi semua pemegang taruh berkaitan untuk bekerjasama dalam merealisasikan syor-syor ini," kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

Laporan ini dimuktamadkan selepas 9 bulan dan telah melalui kajian menyeluruh, banyak sesi libat urus dan beberapa rundingan awam bersama pemegang taruh di dalam sektor makanan termasuk kementerian-kementerian berkaitan, agensi-agensi Kerajaan, persatuan-persatuan dan juga pemain-pemain pasaran. MyCC percaya laporan ini bakal menjadi bahan rujukan penting kepada pembuat dasar, selari dengan usaha Kerajaan untuk menangani kos sara hidup. Selain itu, inisiatif ini juga konsisten dengan usaha Kerajaan melalui Dasar Keusahawanan Negara untuk menggalakkan pembangunan dan memacu pertumbuhan sektor keusahawanan di Malaysia.

Untuk maklumat lanjut mengenai penemuan ulasan pasaran sila layari laman web MyCC di www.mycc.gov.my.

-tamat-

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Khalijah Mazlan, Tel +603 2273 2277 (ext 702),

Email: khalijah@mycc.gov.my

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang kompetitif.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.

ANNEX A

Nota Pengarang:

Maklumat mengenai Seksyen 11 dan 12 Akta Persaingan 2010. Maklumat lanjut mengenai kajian semula pasaran seperti di bawah.

Seksyen 11: Kuasa untuk menjalankan kajian semula pasaran

11. (1) Suruhanjaya boleh, atas inisiatifnya sendiri atau atas permintaan Menteri, menjalankan suatu kajian semula terhadap mana-mana pasaran untuk menentukan sama ada apa-apa ciri atau gabungan ciri pasaran itu menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran.
- (2) Kajian semula itu termasuklah kajian mengenai—
 - (a) struktur pasaran yang berkenaan;
 - (b) perlakuan perusahaan dalam pasaran;
 - (c) perlakuan pembekal dan pelanggan kepada perusahaan dalam pasaran; atau
 - (d) apa-apa perkara berkenaan yang lain.

Seksyen 12: Keputusan kajian semula pasaran

12. (1) Apabila selesai kajian semula pasaran itu, Suruhanjaya hendaklah menyiarkan laporan dapatan dan syornya.
- (2) Laporan Suruhanjaya itu hendaklah dijadikan tersedia kepada orang awam.